



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

KHAMIS, 5 OKTOBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

5/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	'BABY HATCH' SEDIA SISTEM SOKONGAN TANGANI ISU BUANG BAYI	
	https://suarasarawak.my/baby-hatch-sedia-sistem-sokongan-tangani-isu-buang-bayi/	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	#SHOWBIZ: ZAITON SAMEON TO RECEIVE RM500 PENSION FROM YKAT BEGINNING NEXT MONTH	
	https://www.nst.com.my/lifestyle/groove/2023/10/962795/showbiz-zaiton-sameon-receive-rm500-pension-ykat-beginning-next	NST.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/rap/2023/10/1016433/zaiton-sameon-terharu-terima-bantuan-pencen-bulanan-ykat	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	PERSIAPAN BANJIR: SELANGOR ARAH JKM SEDIA KEMUDAHAN ASAS SEKALI GANDA	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/persiapan-banjir-selangor-arah-jkm-sedia-kemudahan-asas-sekali-ganda-440236	ASTROAWANI.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1016356/selangor-arah-jkm-sedia-keperluan-asas-banjir-sekali-ganda	HMETRO.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2231473	BERNAMA.COM
	https://www.thesundaily.my/cerita/persiapan-banjir-selangor-arah-jkm-sedia-kemudahan-asas-sekali-ganda-NC11576812	THESUNDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	SELEBRITI BUJANG AMBIL ANAK ANGKAT PEREMPUAN BERDEPAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG	
	https://www.hmetro.com.my/rap/2023/10/1016391/selebriti-bujang-ambil-anak-angkat-perempuan-berdepan-tindakan-undang-undang	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

5/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	SELEBRITI BUJANG AMBIL ANAK ANGKAT PEREMPUAN BERDEPAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG	
	https://www.hmetro.com.my/rap/2023/10/1016391/selebri-bujang-ambil-anak-angkat-perempuan-berdepan-tindakan-undang-undang	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	PELAJAR PERLU BANTUAN RM60,000 PULIHKAN TULANG RAPUH PADA KAKI	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1160677/pelajar-perlu-bantuan-rm60000-pulihkan-tulang-rapuh-pada-kaki	BHARIAN.COM.MY
	https://www.nst.com.my/news/nation/2023/10/962906/single-mother-5-seeks-funds-teen-daughter-brittle-bone-disease	NST.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	REDA DENGAN TAKDIR WALAUPUN PELUANG SUAMI SEMBUH TIPIS	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1016310/roda-dengan-takdir-walaupun-peluang-suami-semboh-tipis	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	TIGA BERADIK PONTENG SEKOLAH JAGA BAPA TERLANTAR	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/04/tiga-beradik-ponteng-sekolah-jaga-bapa-terlantar/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	LAHIRKAN USAHAWAN WANITA 'BERDIGITAL'	
	https://www.melakahariini.my/lahirkan-usahawan-wanita-berdigital/	MELAKAHARIINI.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

5/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
10	MCEH 2023 PLATFORM SOKONG INISIATIF KESIHATAN MAKRO	
	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2023/10/1016379/mceh-2023-platform-sokong-inisiatif-kesihatan-makro	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	YAYASAN LTAT SUMBANG RM466,150 UNTUK ANAK WARGA ATM MENABUNG	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/yayasan-ltat-sumbang-rm466150-untuk-anak-warga-atm-menabung/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	ENAM WANITA ANTARA 10 DITAHAN KES PALSU DOKUMEN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/282428/berita/semasa/enam-wanita-antara-10-ditahan-kes-palsu-dokumen	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	WANITA PANDU BMW DAKWA PANIK AKIBAT SALAH JALAN	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-pandu-bmw-dakwa-panik-akibat-salah-jalan-440241	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
14	OPERASI SAR KANAK-KANAK LEMAS DI SUNGAI PAGALAN DIPERLUAS 7KM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/282348/berita/semasa/operasi-sar-kanak-kanak-lemas-di-sungai-pagalan-diperluas-7km	SINARHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

5/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
15	LELAKI MENGAKU TAK SALAH CABUL KANAK-KANAK	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1160598/lelaki-mengaku-tak-salah-cabul-kanak-kanak	BHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=pnjWeBrZ60A	YOUTUBE
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1016341/tertuduh-amang-seksual-ke-penjara-gagal-bayar-ikat-jamin	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	YTSP SUMBANG RM41,800 PADA 34 BAYI, BANTUAN PERALATAN PERUBATAN	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/ytsp-sumbang-rm41800-pada-34-bayi-bantuan-peralatan-perubatan/	UTUSAN.COM.MY
	https://suaramerdeka.com.my/raja-puan-muda-sempurnakan-sumbangan-simpanan-bayi-lahir-tabung-putra-petri-ytsp/	SUARAMERDEKA.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	LELAKI LIWAT OKU DIBERKAS	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/04/lelaki-liwat-oku-diberkas/	FREEMALAYSITODAY.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1016449/lelaki-liwat-lelaki-oku-kena-tahan	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/04/liwat-oku-berulang-kali-seorang-lelaki-ditahan/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	[VIDEO] WARGA EMAS JADI RIDER HANTAR MAKANAN, RAMAI RASA HIBA	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/04/warga-emas-jadi-rider-hantar-makanan-ramai-rasa-hiba/	KOSMO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

5/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
19	WARGA EMAS HIDAP MASALAH MENTAL DITEMUKAN MATI	

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1016243/warga-emas-hidap-masalah-mental-ditemukan-mati>

HMETRO.COM.MY

<https://www.kosmo.com.my/2023/10/04/mayat-warga-emas-disyaki-pesakit-mental-ditemui-tepi-longkang/>

KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	WARGA EMAS MAUT DILANGGAR LORI	

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1160796/warga-emas-maut-dilanggar-lori>

BHARIAN.COM.MY

<https://www.sinarharian.com.my/article/282462/berita/semasa/warga-emas-maut-kemalangan-dengan-lori>

SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
21	KELDAI DADAH WARGA EMAS ANTARA DUA DITAHAN DI KLIA	

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1016409/keldai-dadah-warga-emas-antara-dua-ditahan-di-klia>

HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	MBSA ANJUR MAKAN MALAM, SERAH SUMBANGAN KEPADA WARGA EMAS	

<https://selangorkini.my/2023/10/mbsa-anjur-makan-malam-serah-sumbangan-kepada-warga-emas/>

SELANGORKINI.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK


www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

5/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
23	WANITA CURI 145 PRODUK KOSMETIK DIHUKUM PENJARA 8 BULAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1016389/wanita-curi-145-produk-kosmetik-dihukum-penjara-8-bulan	HMETRO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2023/10/ibu-tunggal-mengaku-curi-barang-di-tiga-farmasi/	UTUSAN.COM.MY
	https://suaramerdeka.com.my/curi-147-produk-kosmetik-ibu-tunggal-dipenjara-lapan-bulan/	SUARAMERDEKA.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/ibu-tunggal-curi-produk-kosmetik-demi-bayar-hutang-dipenjara-lapan-bulan/	BULETINTV3.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/10/04/janda-curi-147-produk-kosmetik-dipenjara-8-bulan/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/04/ibu-tunggal-mengaku-curi-barang-di-tiga-farmasi/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
24	ADA INDIVIDU SOGOK DUIT TUTUP JENAYAH SEKSUAL?	
	https://www.utusan.com.my/gaya/hiburan/2023/10/ada-individu-sogok-duit-tutup-jenayah-seksual/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/04/bersemuka-terus-dengan-mangsa-kalau-berani-firdaus-wong/	KOSMO.COM.MY



TAJUK : GABUNGAN ELEMEN AUDITORI, TAKTIL TINGKAT KEUPAYAAN ORANG TUA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 05 OKT 2023

M/SURAT : 13

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Gabungan elemen auditori, taktil tingkat keupayaan orang buta

Dr Mohd Norazmi Nordin,
Pensyarah Pendidikan Khas, Universiti Kebangsaan Malaysia

Bagi orang buta, perkembangan teknologi semasa banyak membantu pengurusan hidup mereka. Ia bukan sahaja mampu membantu dalam komunikasi, tetapi juga memahami persekitaran dengan lebih baik. Ia seolah-olah cahaya yang menuntun mereka dalam kegelapan.

Misalnya, hari ini ada teknologi yang memberi tumpuan kepada fungsi auditori (pendengaran). Ia dapat meningkatkan keupayaan orang buta berinteraksi dengan persekitaran serta meningkatkan keyakinan diri.

Secara kolektifnya, kehadiran bahan teknologi ini harus disambut baik oleh orang buta dalam menjamin keharmonian hidup mereka.

Terbaharu, dengan adanya teknologi lebih canggih seperti penggunaan kecerdasan buatan (AI), manfaatnya sangatlah besar untuk orang buta. Mereka boleh menggunakannya untuk mentafsir persekitaran, membantu memberikan isyarat awal, mengawal arah pergerakan, berkomunikasi dan juga melakukan rutin harian.

Namun, tidak semua keadaan orang buta perlu bergantung kepada teknologi bersifat auditori semata-mata. Perlu dijelaskan semula bahawa, kekuatan orang buta terletak kepada rasa hati, pendengaran dan juga sentuhan.

Sekiranya mereka hanya bergantung kepada deria pendengaran sahaja dalam melakukan aktiviti harian, maka kekuatan sentuhan mungkin akan hilang beransur-ansur dan keadaan ini akan turut menjejaskan aspek tertentu bagi orang buta.

Berdasarkan kepada usaha mengoptimalkan keupayaan orang buta secara menyeluruh, maka deria sentuhan perlu diberikan penekanan selari dengan kemampuan pendengaran mereka.

Dalam erti kata yang mudah, bagi sesetengah

keadaan peralatan teknologi yang terbaik untuk orang buta perlu menggabungkan elemen auditori dan taktil (berkaitan sentuhan terhadap rajah atau bahan timbul).

Elemen taktil teroka pembelajaran MBPK

Perkembangan teknologi sebegini juga sebenarnya membantu dalam pendidikan murid berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) ketidakupayaan penglihatan, terutama buta. MBPK sebenarnya lebih memerlukan elemen taktil dalam meneroka pembelajaran.

Tidak dimafikan, pembelajaran boleh berlaku melalui pendengaran, namun keberkesanan perolehan pembelajaran perlu membabitkan elemen sentuhan. Misalnya dalam pembelajaran bahasa, MBPK buta memahami maksud perkataan, frasa dan ayat dengan lebih baik. Dalam memahami komponen

berbahasa ini, keperluan asas mereka adalah ketepatan ejaan dan susunan frasa yang konsisten.

Jadi dalam mempelajari ejaan yang tepat, tidak hanya elemen pendengaran sahaja dapat membantu mereka. Sebaliknya MBPK buta perlu membaca dan menulis sendiri perkataan yang dipelajari. Sekiranya hanya mendengar, bagaimana mereka akan dapat mengetahui ejaan betul dan susunan frasa yang tepat.


Bertitik tolak daripada keperluan itu, maka bahan bacaan bersifat taktil masih sangat diperlukan supaya MBPK buta tidak ketinggalan dalam menguasai pembelajaran bahasa.

Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa, kewujudan tulisan braille adalah untuk membantu orang buta menulis dan membaca menerusi sentuhan. Walaupun kod digunakan terpaksa melalui proses pemendakan atau singkatan tertentu, orang buta masih dapat membaca dan mengeja dengan tepat.

Selain keperluan dalam pembelajaran bahasa, bahan taktil juga diperlukan bagi membantu MBPK buta memahami sendiri persekitaran dan membekalkan pengalaman maksimum berkaitan alam sekeliling mereka. Sebagai contoh, sekiranya bahan teknologi auditori digunakan dalam menerangkan unsur alam seperti pokok, sungai, bukit dan sebagainya, pengalaman MBPK buta hanya dibekalkan pada nama serta sebutannya sahaja.

Namun, sekiranya MBPK buta dibekalkan dengan bahan taktil yang menggambarkan unsur alam tadi, maka mereka akan lebih dibantu untuk berimajinasi dan meningkatkan rasa hati dalam mengetahui bentuk fizikal sesuatu unsur. Di sinilah dapat kita memanfaatkan potensi MBPK buta untuk mempelajari sesuatu perkara dengan lebih baik.

“Berdasarkan kepada usaha mengoptimalkan keupayaan orang buta secara menyeluruh, maka deria sentuhan perlu diberikan penekanan selari dengan kemampuan pendengaran”



TAJUK : MENTERI KESAN RAWAT PENYAKIT MENTAL LEBIH AWAL

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 05 OKT 2023

M/SURAT : 22

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Mentari kesan, rawat penyakit mental lebih awal

Portal bantu dapatkan janji temu, khidmat nasihat pakar psikiatri

Oleh Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Seremban: Masyarakat perlu mengikis stigma lapuk membuat saringan bagi mengetahui tahap kesihatan mental sebagai suatu yang tidak penting dan malu.

Gangguan kesihatan mental boleh berlaku kepada individu yang gagal mengawal emosi, tidak berfikir secara rasional dan bertindak di luar kawalan.

Justeru, membuat saringan atau pemeriksaan bagi mengetahui tahap kesihatan mental amat penting kerana hampir tiga kali ganda dalam kes kesihatan mental mereka yang berusia 16 tahun ke atas.

Justeru, Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (Mentari) Kementerian Kesihatan (KKM) kini memberi peluang orang ramai

membuat janji temu dengan pakar psikiatri bagi mengetahui tahap kesihatan mental masing-masing.

Ketua Perkhidmatan Psikiatri Kebangsaan, Dr Nor Hayati Ali, berkata Mentari mewujudkan portal khas, iaitu www.mentari.moh.gov.my untuk membantu mereka mendapatkan janji temu dan khidmat nasihat doktor berkaitan.

"Yang ada simptom penyakit mental boleh dirujuk ke pusat Mentari terdekat supaya rawatan awal dilakukan segera.

"Jangan tunggu hingga sampai ke tahap *burnout* kerana ada banyak kaedah dan rawatan untuk kesihatan mental," katanya ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Sistem IT Mentari (MITS) 2.0 dan Garis Panduan Program Sokongan Pekerjaan di sini, baru-baru ini.

Majlis pelancaran berkenaan disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) KKM, Datuk Dr Asmayani Khalib.

Manfaat portal rawat gejala

Dr Nor Hayati juga Pengerusi Projek MITS 2.0, berkata portal Mentari menerima kunjungan 7,131 orang pada Jun lalu, Julai

(9,870) dan Ogos seramai 9,336.

Sebanyak 383 orang mahu membuat janji temu pada Jun, 440 (Julai) dan 549 (Ogos).

"Daripada keseluruhan 43,754 yang melakukan ujian sendiri melalui portal itu sejak Februari 2023, 3,060 individu atau tujuh peratus memohon janji temu dengan doktor pakar psikiatri," katanya.

Orang ramai dapat memanfaatkan portal itu untuk merawat gejala penyakit mental pada peringkat awal.

"Mentari mahu merawat pesakit mencapai tahap serius dan yang baharu dikesan ada simptom itu. Jadi, rawatan penting," katanya.

Kelebihan menggunakan portal Mentari itu ialah mampu memendekkan proses janji temu dengan pakar psikiatri berbanding sistem yang biasa ketika ini.

Perkhidmatan psikiatri kini ada di 66 hospital dan 33 pusat Mentari serta sebuah Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri di Hulu Terengganu yang memulakan operasi pada November 2022, mereka yang ada simptom itu boleh dirawat cepat.

Menghidap penyakit mental tidak semestinya menjanjikan masa depan gelap dan hidup ber-



Dr Nor Hayati (kanan) menyerahkan cenderamata kepada Dr Asmayani pada Majlis Pelancaran MITS 2.0 dan Garis Panduan Program Sokongan Pekerjaan di Seremban, baru-baru ini. (Foto Mohd Amin Jalil/BH)

akhir kerana masih berpeluang untuk pesakit jalani kehidupan normal.

"Sokongan keluarga, rawatan lebih teratur dan latihan kemahiran mampu memberikan sinar kepada pesakit untuk hidup berdikari, malah bekerja bagi menyara diri sendiri dan keluarga.

"Manfaatkan Mentari sebaik mungkin untuk kepentingan diri dan keluarga," katanya.

SE bantu tingkat kualiti hidup


Mengenai program sokongan pekerjaan (SE), katanya, sehingga Jun lalu, seramai 1,316 pe-

sakit mental menerima intervensi SE dengan 848 orang yang bekerja.

Program itu khusus untuk pesakit mental stabil dan mempunyai keinginan untuk bekerja.

Katanya, setiap perawatan memerlukan latihan tertentu, namun pesakit mental bekerja mempunyai kawalan penyakit lebih baik dan kadar kemasukan ke wad lebih rendah.

"Program SE berjaya meningkatkan kualiti hidup pesakit mental dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi keluarga dan negara," katanya.



TAJUK : PELAJAR PERLU BANTUAN RM60,000 RAWAT TULANG RAPUH

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 05 OKT 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Pelajar perlu bantuan RM60,000 rawat tulang rapuh



Sakinah menunjukkan kaki Nur Farhani Aleesya yang menghidap tulang rapuh menyebabkan tidak dapat berjalan. (Foto Fathil Asri/BH)

Kuala Lumpur: Seorang pelajar perempuan, memerlukan bantuan sebanyak RM60,000 bagi membolehkannya menjalani pembedahan akibat Osteogenesis imperfecta atau tulang rapuh yang dihadapinya.

Nur Farhani Aleesya Zainal Arshad, 13, menghidap penyakit itu pada bahagian paha serta betis sejak dilahirkan dan menyebabkan sudah berbelas kali kedua-dua kakinya patah akibat terjatuh.

Ibunya, Sakinah Omar, 48, berkata anak bongsu daripada lima beradik itu tidak dapat berjalan seperti biasa dari kecil dan hanya mampu mengensot sahaja jika berada di rumah.

Jika di sekolah katanya, anaknya perlu menggunakan kerusi roda dan rakan-rakan di sekolah yang banyak membantu anaknya itu jika mahu ke mana-mana.

"Sebagai seorang ibu, saya amat berharap Nur Farhani Aleesya dapat menjalani kehidupan normal seperti berjalan dan melakukan pelbagai aktiviti lain," katanya.

Ibu tunggal itu berkata, doktor memaklumkan yang anaknya mempunyai harapan untuk berjalan seperti biasa selepas menjalani dua pembedahan.

Katanya, pembedahan pertama diperlukan adalah memasukkan besi pada bahagian paha dan tiga bulan selepas itu perlu menjalani pembedahan kedua iaitu memasukkan besi pada betis.

"Saya amat berharap orang ramai sudi menghulurkan bantuan kepada kami supaya Nur Farhani Aleesya dapat menjalani pembedahan," katanya.

Katanya, dia tidak dapat bekerja kerana perlu menjaga anaknya itu dan ketika ini menerima bantuan untuk Nur Farhani Aleesya daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM500 selain berniaga kuih dengan pendapatan sekitar RM300.

Sementara itu, Nur Farhani Aleesya berkata, dia amat berharap pembedahan itu nanti membolehkan dia berjalan dan melakukan pelbagai aktiviti seperti rakan lain.

"Saya berharap selepas ini kaki tidak lagi patah kerana setiap kali patah, saya perlu menanggung kesakitan yang amat sangat.

"Saya memang teringin berjalan seperti orang lain dan berharap dengan bantuan orang ramai, ia menjadi kenyataan," katanya.

Orang ramai boleh menyalurkan sumbangan kepada Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP dalam bentuk cek, dengan menulis nama Nur Farhani Aleesya di belakang cek.

Sumbangan boleh dialamatkan kepada Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Media Prima Berhad, Tingkat 4, Anjung Riong, Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.

Sumbangan juga boleh disalurkan menerusi akaun Bank Muamalat bernombor 14010008842718 atau Maybank 514105323170 dan nyatakan nama pesakit pada bahagian rujukan penerima atau butiran pembayaran lain.

Sumbangan kepada Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP layak mendapat pelepasan cukai.



TAJUK : TINGKAT SISTEM SOKONGAN HADAPI NEGARA MENUA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 05 OKT 2023

M/SURAT : 22

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Tingkat sistem sokongan hadapi negara menua



Ras Adiba menerima Anugerah Inspirasi Sepanjang Hayat 2023 pada Festival Warga Emas, di Atria Shopping Gallery, Petaling Jaya, baru-baru ini.
(Foto Ercy Gracella Ajos/BH)

Petaling Jaya: "Malaysia masih belum bersedia mencapai status 'negara tua' pada 2030," kata bekas Senator, Datuk Ras Adiba Radzi.

Justeru, katanya, negara memerlukan kemudahan dan sistem sokongan yang kuat bagi menambah baik golongan warga emas sebelum 2030.

"Negara ini sememangnya masih belum bersedia untuk 2030. Jadi, sekarang ini, kita semua, termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO), syarikat korporat dan pelbagai pihak perlu menggembleng tenaga untuk membuka tempat bagi warga emas yang Muslim dan bukan Muslim.

"Sebenarnya, saya berharap supaya Malaysia mempunyai sistem sokongan macam di luar negara. Ada yang datang setiap hari ke rumah.


Saya juga harap kerajaan bo-

leh mempertimbangkan untuk memberikan pembantu peribadi (kepada orang ramai) bagi membantu warga emas.

"Ini kerana setiap hari bukan semua orang mahu menghantar ibu bapa mereka ke rumah warga emas. Ahli keluarga kebanyakannya hendak menjaga sendiri ibu bapa, tetapi tiada kelapangan dan tidak tahu macam mana," katanya ditemui pada Festival Warga Emas, di Atria Shopping Gallery, di sini baru-baru ini.

Beliau yang juga antara penerima Anugerah Inspirasi Sepanjang Hayat 2023 berkata, pelbagai pihak perlu juga berusaha bersama-sama untuk memberikan pengajaran seperti membuat kelas istimewa bagi ahli keluarga untuk menjaga ibu bapa.

"Ia akan menjadi satu sistem sokongan yang baik," katanya.



TAJUK : 'URUSAN HIDUPKU KINI HANYA BERGANTUNG SEPENUHNYA PADA IBU'

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 05 OKT 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

'Urusan hidupku kini hanya bergantung sepenuhnya pada ibu'

Kuantan: "Kehidupan saya kini bergantung sepenuhnya kepada susu khas dan hanya terlantar akibat lumpuh dipercayai kerana kerosakan saraf tunjang."

Begitu kata bekas operator kilang, Ahmad Fazlan Mohd Zubir, 31, yang mengalami lumpuh dari leher ke bawah selepas terjatuh ketika mahu turun dari motosikal tahun lalu.

Menurutnya, ketika kejadian itu, badan dan anggota lain dirasai terlalu lemah dan dia tidak mampu berdiri selain rasa sakit bahagian pinggang.

Katanya, dia kemudian membuat rawatan tradisional bagi mengurangkan kesakitan pada bahagian

pinggang selain bagi menguatkan semula anggota badan yang ketika itu semakin lemah.

"Selepas menerima rawatan urutan, badan saya bertambah lemah hingga tidak mampu berjalan lalu keluarga membawa saya ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan untuk membuat pemeriksaan selepas keadaan semakin serius.

"Saya menerima rawatan dan ditahan wad selama lapan bulan selain terpaksa menjalani pembedahan dari tengkuk hingga tulang belakang sepanjang kira-kira 55 sentimeter (sm) bagi membuang nanah," katanya

yang kini tinggal bersama ibu, Salbiah Mohd Salleh, 50, di Taman Sungai Karang Dua Bypass, di sini.

Anak kedua daripada tiga beradik itu berkata, doktor menyatakan ada nanah pada tulang belakang, tengkuk dan punggung yang menganggu saraf selain berlaku jangkitan kuman menyebabkan kini lumpuh.

Menurutnya, pelbagai usaha dilakukan doktor untuk mengubati penyakitnya, namun sehingga kini masih tidak berhasil.

"Saya turut mengalami masalah pernafasan hingga terpaksa menggunakan alat bantuan pernafasan 24 jam, selain sukar makan kerana masalah saluran



AHMAD Fazlan yang lumpuh seluruh badan di samping ibunya, Salbiah. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

pernafasan.
"Hidup saya kini sepenuhnya hanya bergantung pada susu khas yang di-

sediakan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso)," katanya.

Menurutnya, dia hanya

boleh bercakap dan bergantung sepenuhnya kepada ibunya untuk menguruskan dirinya.



TAJUK : IBU TUNGGAL KENA JEL

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 05 OKT 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Ibu tunggal kena jel

Mengaku bersalah mencuri barangan kecantikan RM13,002.23

Oleh Meor Riduwan
Meor Ahmad
am@hmetro.com.my

Melaka

Seorang ibu tunggal dijatuhi hukuman penjara lapan bulan dan denda RM5,500 oleh Mahkamah Majistret Ayer Keroh, semalam atas empat kesalahan mencuri 147 unit barangan kecantikan dan kesihatan bernilai keseluruhan RM13,002.23 demi membayar hutang antara April hingga September lalu.

Sazila Isa, 40, dari Petaling Jaya, Selangor dijatuhi hukuman itu selepas mengaku bersalah dalam prosiding berasingan di depan Majistret, Khairunnisak Hassni dan Sharda Shienha Mohd Suleiman di Mahkamah Majistret 2 dan 4.

Mengikut tiga pertuduhan di hadapan Khairunnisak, tertuduh didapati dengan niat curang mencuri 115 unit pelbagai jenis barangan kecantikan dan kesihatan bernilai keselu-

ruhan RM9,710.48.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di kedai Guardian Pharmacy, Kipmall Melaka, Jalan Tun Fatimah, Bachang, di sini, pada 29 April lalu, jam 4.40 petang dan di kedai Guardian, Jalan Bunga Raya, pada 26 Julai dan 6 September lalu, jam 7.57 malam dan jam 8.25 malam.

Bagi pertuduhan di hadapan Sharda Shienha, tertuduh didapati mencuri 32 unit barangan kecantikan bernilai RM3,291.75 di kedai Guardian, Mahkota Parade, di sini, pada 26 Julai lalu, kira-kira jam 8.15 malam.

Timbalan Pendakwa Raya, Wardah Ishar dan Nor Asnini Kamarudin mengemukakan pertuduhan mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan, jika disabitkan boleh dipenjarakan sehingga 10 tahun dan denda.

Mengikut fakta, pengadu dalam keempat-empat kes menyedari kecurian apabila mendapa-

ti stok barangan kecantikan dan kesihatan di rak jualan berkurangan namun tiada rekod jualan.

Hasil pemeriksaan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di premis masing-masing, didapati tertuduh mengambil pelbagai barangan berkenaan sebelum dimasukkan ke dalam beg kitar semula dan keluar tanpa membuat bayaran.

Berdasarkan laporan pemilik premis, sepasukan pegawai dan anggota Bahagian D4 (Risikan / Operasi / Rekod Jenayah) Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka menjalankan siasatan dan menahan tertuduh di sebuah Flat PKNS, Taman Dato Harun, Petaling Jaya Selangor pada 9 September lalu.

Terdahulu pendakwaan memohon hukuman berat dikenakan sebagai pengajaran kepada tertuduh yang disifatkan sebagai pesalah

tegar dan berulang serta masyarakat.


Peguam Muhammad Izzuddin Ab Malek dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) berhujah bahawa pengakuan bersalah tertuduh menjimatkan masa dan kos mahkamah serta dia wajar diberi peluang membetulkan diri.

"Tertuduh seorang ibu tunggal kepada empat anak termasuk seorang orang kurang upaya mental dan hanya bergantung kepada bantuan zakat RM400 sebulan.

"Saya difahamkan tertuduh mencuri barangan berkenaan untuk dijual bagi melangsaikan hutang. Pohon penjara ringan bermula dari tarikh ditangkap," katanya.

Selepas mendengar hujahan kedua-dua pihak mahkamah menjatuhkan hukuman lapan bulan penjara dari tarikh ditangkap dan denda RM5,500 bagi semua kesalahan itu atau dua bulan penjara jika gagal bayar.

Sazila didakwa atas 4 kesalahan curi 147 unit barangan kecantikan dan kesihatan



TAJUK : LELAKI NAFI CABUL BUDAK GAGAL LUNAS RM10K

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 05 OKT 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



ASRAN dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Muar, semalam. - Gambar NSTP/ALIAS ABD RANI

Lelaki nafi cabul budak gagal lunas RM10k

Muar: Seorang pekerja penyelenggaraan lebuhraya dihantar ke Penjara Sungai Udang, Melaka akibat gagal melunaskan ikat jamin RM10,000 selepas mengaku tidak bersalah atas pertuduhan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak empat tahun yang diasuh isterinya, bulan lalu.

Tertuduh Asran Mohd Tahir, 40, terlebih dahulu membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Abu Bakar Manat ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Berikutan itu, mahkamah menetapkan ikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin, namun

tertuduh gagal membayarnya.

Mengikut kertas pertuduhan, Asran didakwa melakukan amang seksual terhadap kanak-kanak perempuan berusia empat tahun yang ketika itu di bawah jagaan isterinya berikutan ibu bapa mangsa bertugas di luar kawasan.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah rumah di Simpang Renggam, dekat sini, antara jam 11 pagi hingga 6.45 petang, 19 September lalu.

Susulan itu, dia di-

dakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak dan boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama, penjara sehingga dua puluh tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, Danial memohon supaya tertuduh tidak di-

benarkan ikat jamin dengan mengambil kira keadaan mangsa yang juga seorang kanak-kanak.

"Mahkamah perlu mempertimbangkan kebarangkalian memandangkan tertuduh dengan mangsa juga tinggal tidak berjauhan," katanya.

Bagaimanapun, tertuduh dalam rayuannya memohon mahkamah mengenakan ikat jamin paling rendah kerana perlu menanggung dua anak masih bersekolah serta mengalami masalah kesihatan.

Abu Bakar turut menetapkan 15 November depan, sebutan semula kes serta serahan dokumen.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu pada 19 September lalu



TAJUK : PAHA BENGKAK, BERNANAH

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 05 OKT 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



MUHAMMAD Asmadi mengelap muka isterinya, Nurul Suhaida yang menghidap kanser paha dan tidak dapat bergerak selepas menjalani pembedahan.

Oleh Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Kebahagiaan suri rumah, Nurul Suhaida Othman, 28, dan keluarga berubah sekelip mata apabila dia disahkan menghidap barah tulang paha, bulan lalu.

Dia disahkan menghidap penyakit itu selepas menjalani pembedahan di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) September lalu kerana kaki kanannya bernanah dan bengkak.

Sejak itu, dia kini hanya terlantar dan semua urusan termasuk makan minum, menukar pakaian dan membersihkan badan dilakukan suaminya, Muhammad Asmadi Ahmad, 32.

"Mulanya saya hanya demam sebelum menyedari paha bengkak dan ada nanah, tetapi ketika saya hanya berubat secara tradisional, malangnya sakit bertambah teruk.

"Lama-kelamaan bengkak makin besar dan akibat tidak tahan sakit, saya terpaksa menghubungi ambulans untuk ke hospital," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Nawa di sini, semalam.

Nurul Shuhaida berkata, sehingga hari ini kaki kanannya sakit menyebabkan

Paha bengkak, bernanah

Suri rumah hidap barah tulang paha kanan buntu cari sumber kewangan untuk rawatan

dia tidak dapat melepaskan mata.

Katanya, sebelum ini dia yang menguruskan makan minum mereka sekeluarga termasuk menghantar anak sulung, Afiq Haiqal Muhammad Asmadi, 9, ke sekolah dan menjaga Nur Qaseh Syifa Aryana, 2, serta abang iparnya, Asri Ahmad, 40-an yang mempunyai masalah tekanan jiwa.

"Sebelum ini saya dan suami memberi tumpuan kepada Nur Qaseh Syifa Aryana menjalani rawatan di hospital akibat penyakit jantung yang dihidapinya sejak lahir.

"Selepas dia beransur sembuh, saya pula yang sakit dan tak sangka akan menghidap barah kerana sebelum ini saya sihat dan cuma mempunyai tekanan darah rendah.

"Suami mengambil upah sebagai pemandu jentolak dengan pendapatan sekitar

RM70 sehari, tetapi sejak sakit dia tidak dapat bekerja kerana perlu menguruskan saya," katanya.

Nurul Suhaida berkata, disebabkan perlu mencari wang untuk kehidupan keluarga selain membayar kos rawatan di hospital, anak mereka, Afiq Haiqal tidak dapat ke sekolah kerana bergilir menjaganya di rumah manakala suaminya pula keluar bekerja.

Katanya, dia pula akan menjalani rawatan susulan di HSB pada 9 Oktober ini untuk mendapatkan tarikh bagi pembedahan kedua pada kakinya itu.

"Kalau suami pergi kerja, anak saya tak pergi sekolah sebab kena bantu saya cuci luka di paha selain menyuaip makanan untuk saya, dan kalau anak pergi sekolah, suami tak dapat bekerja kerana tak ada siapa nak uruskan saya pula.

"Kami buntu fikir untuk cari sumber kewangan me-


mandangkan pendapatan suami tidak cukup kerana dia hanya memperoleh gaji harian.

"Sekarang ini suami sanggup buat apa jua kerja kampung asalkan dapat duit membayar kos rawatan saya walaupun nak kumpul duit memang lambat," katanya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh membuat demikian melalui akaun Bank Islam Nurul Shuhaida 02-075-02-029911-0.

Sementara itu, Pengerusi Cancer Survivors Malaysia (CSM), Zuraini Kamal yang menziarahi pesakit itu menyampaikan sumbangan wang tunai, barang keperluan dapur serta susu formula khas.

Zuraini berkata, pihaknya akan menghantar katil pesakit, tongkat serta kerusi roda kepada pesakit itu untuk memudahkan dia bergerak.



TAJUK : RM40 SEHARI SARA TUJUH SEKELUARGA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 05 OKT 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



SUHA menerima kunjungan rombongan Tiong Lam (dua dari kiri) yang bertanya khabar dan menghulurkan bantuan makanan asas serta lampin pakai buang.

RM40 sehari sara tujuh sekeluarga

Wanita gigih cari rezeki ekoran suami lumpuh diserang strok

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

Tanah Merah

Serangan angin ahmar 11 tahun lalu membuatkan Suha Ab Khalil Mamat lumpuh pada sebelah kanan badan.

Walaupun pergerakannya terhad dan pertuturan tidak jelas, Suha, 44, dari Kampung Banggol Jenereh di sini, tetap gagahkan diri memandu kereta demi mencari rezeki dengan menjaja buah di kawasan berhampiran.

Bagaimanapun, masalah kesihatannya semakin serius sejak dua tahun lalu apabila kerap diserang sawan sehingga dimasuk-

kan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Tanah Merah dan terlantar sehingga ke hari ini.

Isterinya, Kanura Che Soh, 38, berkata, suaminya tidak boleh menguruskan diri dan terpaksa bergantung sepenuhnya kepadanya.

"Jika awal-awal diserang strok dulu, ada juga kami panggil tukang urut tapi memandangkan upahnya mahal, kami sudah tidak mampu dan keadaan kaki serta tangan suami semakin mem-bengkak.

"Pertuturannya juga semakin tidak jelas dan kebelakangan ini suami kurang selera makan menyebabkan terpaksa bergantung kepada susu

khass," katanya ketika ditemui di rumahnya, di sini.

Terdahulu, keluarga itu menerima kunjungan Kelab Kebajikan Cakna Kelantan (KKCK) yang diketuai Pengerusinya, Pui Tiong Lam.

Kanura bekerja sebagai pembantu kedai makan berkata, dia perlu menguruskan suaminya sebelum keluar bekerja jam 11.30 pagi setiap hari.

Menurutnya, upah yang diperoleh sebanyak RM40 sehari sekadar cukup makan untuk perbelanjaan mereka termasuk lima anak berusia tujuh hingga 20 tahun.

"Suami menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berju-

mlah RM600 sebulan, tapi digunakan untuk pembelian susu khas, lampin pakai buang serta ubat-ubatannya, namun seringkali juga tidak mencukupi.

"Penat memang penat tapi kalau saya tidak bekerja, keadaan kami akan terdesak dan doktor maklumkan peluang untuk suami pulih sangat tipis dan kami reda dengan takdir ini," katanya sambil memberitahu empat daripada lima anaknya masih bersekolah.

Orang ramai yang ber-simpati dan ingin membantu keluarga berkenaan boleh menyalurkan sumbangan ke Agrobank 2-00-6671-00022848-0 atas nama Suha Ab Khalil Mamat.



TAJUK : SIASAT VIDEO WANITA DIKASARI

HARI : KHAMIS

TARIKH : 05 OKT 2023

TONE : NEGATIF

AKHBAR : HARIAN METRO

M/SURAT : 06

SEKTOR : KPWKM

Siasat video wanita dikasari

Polis ambil keterangan saksi selepas tular rakaman anak laku kekerasan, doa kematian ibu

Oleh Mohd Khidir Zakaria
am@hmetro.com.my

Port Dickson

Polis menjalankan siasatan satu video viral membabitkan seorang lelaki yang melakukan kekerasan terhadap seorang warga emas dipercayai ibunya.

Ketua Polis Daerah Port Dickson, Superintendan Aidi Sham Mohamed berkata, pada 3 Oktober, sekitar jam 4.30 petang, polis mengesan video tular berkenaan yang mendapat perhatian sebuah badan bukan kerajaan (NGO), Semboyan dike-

tuai Yusof Azmi.

"Siasatan awal mendapati, rakaman video itu dibuat rentetan satu kejadian yang berlaku pada 28 September lalu jam sekitar 9.28 malam.

"Ia dipercayai membabitkan selisih faham antara adik-beradik kepada warga emas yang juga ibu mereka yang tinggal di Taman Pertama Port Dickson," katanya dalam satu kenyataan media di sini, semalam.

Katanya, polis sudah membuka satu kertas sia-

satan berkaitan insiden itu yang disiasat mengikut Seksyen 323/427 Kanun Keseksaan.

"Polis sedang siasat kejadian itu dan kini memanggil saksi untuk diambil keterangan bagi membantu siasatan kes ini.

"Polis menyeru orang awam tidak memanipulasikan cerita ini untuk mengelakkan kekeliruan dan mengganggu siasatan pihak polis," katanya.

Sementara itu, liputan kes itu secara langsung me-

"Ia dipercayai membabitkan selisih faham antara adik-beradik kepada warga emas yang juga ibu mereka yang tinggal di Taman Pertama Port Dickson"



WARGA emas (duduk) mengadu masalah kepada Yusof

lalui media sosial ini adalah berkenaan seorang lelaki dipercayai melakukan kekerasan terhadap warga emas (seorang ibu tunggal) yang uzur dan sebelum ini ada masalah kesihatan pernah

membuat rawatan jantung serta mengalami angin ahmar.

Merujuk kepada rakaman yang dibuat secara langsung di media sosial Tiktok (Nasi Lemak 4 Pagi)

apabila anak warga emas berkenaan dipercayai mengeluarkan kata-kata kesat yang ditunjukkan secara langsung dan mendoakan kematian kepada emaknya sendiri.



TAJUK : TERINGIN RASAI NIKMAT BERJALAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 05 OKT 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

REMAJA HIDAP TULANG RAPUH SELEPAS LAHIR

Teringin rasai nikmat berjalan

Oleh Mahaizura
Abd Malik dan Nor
Hashimah Nor Hasim
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sejak dilahirkan, Farhani Aleesya Zainal Arshad belum pernah rasai nikmat berjalan kerana penyakit *Osteogenesis Imperfecta* (OI) atau kerapuhan tulang yang dihidapinya memusnahkan peluang itu, malah sudah berbelas kali kakinya patah akibat penyakit terbahit.

Farhani Aleesya, 13, yang belajar di sebuah sekolah menengah di Gerik, Perak berkata, penyakitnya membuatkan dia hanya memendam keinginan untuk melakukan aktiviti seperti rakan sebaya.

Katanya, pergerakannya agak terbatas apabila hanya mampu menggunakan kerusi roda yang perlu ditolak dengan bantuan keluarganya, rakan dan guru.

"Di rumah, saya banyak mengengsot selain dibantu ibu dan adik-beradik. Di sekolah pula, ramai kawan dan guru membantu menolak kerusi roda.

"Saya berdoa pembedahan ini berjalan lancar kerana saya tak nak rasa sakit kaki patah lagi selain teringin hendak berjalan," katanya yang juga penerima bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).



FARHANI Aleesya dibantu ibunya, Sakinah menunjukkan kakinya yang menghidap penyakit OI. - Gambar NSTP/FATHIL ASR

Sementara itu, ibunya, Sakinah Omar, 48, berkata, anak bongsu daripada lima beradik itu disahkan menghidap penyakit terbahit beberapa hari selepas dilahirkan pada November 2010.

"Ketika itu, saya tidak tahu lagi jenis penyakit dihidapi Farhani Aleesya yang kerap menangis. Dia kemudian dirujuk ke hospital sebelum doktor mengesahkan penyakit-

nya itu.

"Sejak itu, tulang kedua-dua kakinya mudah patah, malah ia berlaku berbelas kali, terutama bahagian betis dan paha. Setiap kali berlaku, bahagian itu akan disimen," katanya.

Ibu tunggal itu berkata, demi masa depan Farhani Aleesya, remaja itu dirujuk ke Gleneagles Hospital Kuala Lumpur untuk pembedahan memasukkan besi

pada kedua-dua kakinya.

"Doktor ada cakap, apabila masukkan besi, peluang Farhani Aleesya untuk berjalan cerah, tetapi kerana ada rawatan susulan termasuk fisioterapi.

"Buat permulaan, Farhani Aleesya akan menjalani pembedahan pertama memasukkan besi pada kedua-dua pahunya dulu.

"Pembedahan kedua untuk betis pula dijangka dilakukan selepas beberapa bulan," katanya.

Sebagai ibu, katanya, besar harapannya melihat anak kesayangan itu boleh berjalan dan menguruskan diri seperti remaja lain, namun jumlah kos pembedahan menyebabkan dia gusar.

"Pembedahan bagi kedua-dua prosedur itu memerlukan RM60,000, teta-

pi dengan saya tiada pendapatan tetap kerana hanya berniaga kuih kecil-kecilan dengan dibantu anak-anak, memang rasa terbeban selain tidak mampu.


"Anak saya suka belajar dan pergi sekolah, tetapi dengan keadaannya yang sebegitu, sudah pasti menyukarkan urusan hariannya.

"Saya merayu sumbangan orang ramai supaya Farhani Aleesya dapat berjalan seperti remaja lain. Saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu," katanya.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan dalam bentuk cek dengan memuliskan nama pesakit di belakang cek kepada Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP dan sumbangan kepada tabung berkenaan layak mendapat pelepasan cukai.

Sumbangan boleh dialamatkan kepada Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Media Prima Berhad, Tingkat Empat, Anjung Riong, Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.

Sumbangan juga boleh disalurkan menerusi akaun Bank Muamalat bernombor 14010008842718 atau Maybank bernombor 514105323170 dan nyatakan nama pesakit pada bahagian rujukan penerima atau butiran pembayaran lain.



TAJUK : UBAH PENGAKUAN LAGI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 05 OKT 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

REMAJA DITUDUH PERKOSA ADIK TIRI

Ubah pengakuan lagi

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

Muar

Seorang remaja 18 tahun yang berdepan tuduhan merogol adik tiri pada Mei lalu ditegur Hakim Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengubah pengakuan buat kali ketiga.

Hakim Abu Bakar Manat menegur tindakan remaja berkenaan dengan memberi nasihat supaya berfikir sebelum membuat pengakuan kerana tarikh perbicaraan masih jauh.

"Kamu fikirkan sama ada nak kekal dengan penga-

kuan ini (tidak bersalah) atau sebaliknya. Tarikh bicara kamu masih jauh.

"Jika kamu mahu menukar lagi pengakuan (bersalah), sila beritahu kepada peguam dan mahkamah akan menetapkan satu tarikh lain," katanya.

Ketika kali pertama pertuduhan dibaca pada 29

"Kamu fikirkanlah sama ada nak kekal dengan pengakuan ini (tidak bersalah) atau sebaliknya. Tarikh bicara kamu masih jauh"

Mei lalu, tertuduh membuat pengakuan tidak bersalah, namun ketika sebutan semula kes pada 27 Jun, dia mengubah pengakuan kepada bersalah.

Berikutan itu, mahkamah menetapkan hari ini sebagai tarikh menjatuhkan hukuman berdasarkan pengakuan dibuat, namun tertuduh sekali lagi menukar pengakuan kepada tidak bersalah.

Sehubungan itu mahkamah kemudian menetapkan perbicaraan berlangsung dua hari bermula 20 hingga 21 Mac tahun depan.


Mengikut kertas pertuduhan, dia didakwa mero-

gol adik tirinya berusia 13 tahun di sebuah rumah di Jalan Yong Peng, Ayer Hitam, Batu Pahat, jam 1 pagi, 18 Mei lalu.

Dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksamaan yang boleh dihukum sehingga 30 tahun penjara dan 10 kali sebatan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Daniah Munir manakala tertuduh diwakili Syaffie Naim dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).

Pada masa sama, mahkamah juga tidak menawarkan jaminan terhadap tertuduh.



TAJUK : WARGA ASING TUNJUK KEMALUAN DITAHAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 05 OKT 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Warga asing tunjuk kemaluan ditahan

Kuala Lumpur: Seorang lelaki warga India ditahan Ahad lalu selepas menceroboh sebuah surau di Setapak, di sini, sebelum menunjukkan kemaluannya kepada orang ramai.

Pada kejadian jam 10.30 malam, penjaga surau itu menyedari, satu daripada lampu di pekarangan bilik

jenazah dimatikan.

Ketua Polis Daerah Wangsa Maju Superintendan Ashari Abu Samah berkata, pengadu kemudian melihat ke dalam surau dan mendapati suspek berjalan keluar dengan memanjat tembok surau.

"Pengadu kemudian

mendapatkan bantuan orang awam untuk menahan suspek.

"Suspek kemudian bertindak agresif dengan mengatakan dia adalah Muslim sambil membuka seluar dan menunjukkan kemaluan.

"Orang ramai yang berjaya menahan suspek ke-

mudian menghubungi polis," katanya kepada Harian Metro, semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 447 Kanun Keseksaan kerana menceroboh, Seksyen 509 kanun sama kerana menunjukkan kemaluan dan Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63.



TAJUK : TEEN GIRL NEEDS RM60,000 TO FIX BOTH LEGS

HARI : KHAMIS

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 05 OKT 2023

M/SURAT : 09

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Sakinah Omah and her daughter Nur Farhani Aleesya Zainal Arshad, 13, an osteogenesis patient at Gleneagles Hospital in Ampang, yesterday. PIC BY FATHIL ASRI

BRITTLE BONE DISEASE

TEEN GIRL NEEDS RM60,000 TO FIX BOTH LEGS

She has to undergo two operations, one on both thighs and another on the calves

NUQMAN ADAM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

A SINGLE mother of five is worried about coming up with the astronomical sum of RM60,000 needed for her teenage daughter's medical procedure.

Nur Farhani Aleesya Zainal Arshad, her 13-year-old daughter, was born with osteogenesis imperfecta (brittle bone disease) in both legs, making her bones brittle and causing deformity in her left tibia and femur.

Despite being confined to a wheelchair due to walking constraints brought about by the disease, which afflicted Nur Fahani since birth, Nur Farhani's mother, Sakinah Omar, 48, wants her daughter to have a normal adolescent life.

"I want my daughter to be able to manage herself. She loves going to school but it saddens me to see her condition.

"Thankfully, she has a really caring group of peers and teachers who are there

to push her wheelchair or assist her in the canteen," she said.

"I've lost count of the number of times I've had to take Nur Farhani to the emergency room to get her leg cast because she keeps breaking it.

"I am only a housewife who sells *kuih* (traditional local desserts). I do get some aid from the Social Welfare Department. Thus my total monthly income is only RM800. Even with the help of my grown children, I still cannot afford the surgery.


The youngest of five siblings, Nur Fahani will need to undergo two operations: One on each of her thighs and another on each of her calves using osteotomy and telescopic nailing fixation.

Nur Farhani, who aspires to become an accountant some day, hopes the surgeries will be successful.

Those who wish to help can send cheques made payable to the Media Prima-NSTP Humanitarian Fund to the Group Corporate Communications Department, Media Prima Bhd, Level 1, Anjung Riong, Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur, with the patient's name written on the reverse side of the cheque.

The public may also donate to the Media Prima-NSTP Humanitarian Fund through the Bank Muamalat account number 1401 0008 8427 18 or Maybank 5141 0532 3170.

Donations to the Media Prima-NSTP Humanitarian Fund are tax-deductible.



TAJUK : 10,000 S'GOR FLOOD VICTIMS TO GET HELP

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 05 OKT 2023

M/SURAT : 12

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

10,000 S'gor flood victims to get help

JKM to prepare flood relief aid as monsoon approaches

SHAH ALAM: In anticipation of being hit by floods as the monsoon season approaches, the Selangor government has instructed the Social Welfare Department (JKM) to prepare flood relief aid for about 10,000 victims.

Mentri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said it was a one-fold increase compared to 2021, where there was not enough aid to be distributed to all the flood victims.

"As such, I have instructed JKM to increase by one-fold the number of flood aid recipients this year," he told a special press conference at the Selangor State Secretariat building here yesterday.

Amirudin said he had also instructed the Malaysian Civil Defence Department (APM), Fire and Rescue Department as well as the army and local government authorities to make necessary preparations, including getting ready the necessary assets.

"We also instruct all local authorities, the Drainage and Irrigation Department, Public Works Department and related departments to immediately clean retention ponds, drains and canals, especially in areas at high risk of flooding.

"This is to ensure the drainage system functions optimally," he said, adding that a media centre would also be set up, Bernama reported.

In another development, Amirudin said the monthly

payment for 760 imam in the state had been increased from RM1,300 to RM1,500 and they would be getting the new rate from this month.


The monthly allowance for other mosque personnel had also increased by RM50, meaning that effective this month, mosque nazir (administrator) would receive RM300, bilal RM340 and siak (mosque caretaker) RM290, he added.

He said the state government was also giving RM1,000 each to 500 agro entrepreneurs as an incentive for them to increase production.

"The incentive will be in the form of cash amounting to RM500, while the balance through inputs of plants, equipment and raw materials," he said, adding that this would be implemented with the cooperation of Agro Bank Selangor and Koperasi Kohijrah Warga Hijrah Selangor Bhd.

The state government, he said, was also giving exemption in assessment tax to owners of 426,656 low-cost and village houses in Selangor for the second term, from July 1, 2023, to Dec 31, 2023, that would cost the state government more than RM29mil.

On another matter, Amirudin said the state government was not keen on tapping rare earth elements (REE) as a new source of revenue despite being informed of the presence of the minerals in the state.



TAJUK : HOUSEHOLD THREAT

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 05 OKT 2023

M/SURAT : 01&03

tone : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Household threat

BY LEE KIAN SENG
newsdesk@thesundaily.com

PETALING AJAY: Lead exposure is an issue in the country as it is found in paints, imported jewellery, toys and instant noodles that are commonly used and consumed by Malaysians, said Prof Juliana Jalaludin of the Environmental and Occupational Health Department at Universiti Putra Malaysia.
She added that high blood-lead levels can be attributed to various factors, including environmental, occupational and lifestyle related causes.
"Lead-based paint is one of the most significant sources of exposure. It is commonly found in older homes and buildings. As these

structures deteriorate, lead dust and chips can be ingested or inhaled, leading to elevated blood-lead levels among the occupants.
"Dietary habits also contribute to high blood-lead levels as foods that are prepared in lead glazed or lead soldered containers such as ceramic (ware) are exposed to the toxic metal.
"While it is not commonly used in food preparation or food packaging, lead and a few other heavy metals have been found in the seasoning for instant noodles and in shrimp

paste, dried salted fish and canned fish."
She said the sources of such lead contamination were most likely to be the flour and salt as well as the water and environment in which food is processed.
"Certain traditional medicines, cosmetics, and folk remedies may also contain a small amount of lead as an ingredient, which upon using or consuming over long periods can cause high blood-lead levels," she added.
Several studies conducted in various parts of

the world, including Malaysia, have found a correlation between elevated blood-lead levels in children and lower intelligence quotient (IQ) scores.
The Lancet Planetary Health study, that was released on Sept 11, stated: "Researchers estimate that children younger than five years lost 765 million IQ points due to lead exposure globally."
Juliana said children are most commonly exposed and they are most vulnerable to lead exposure, especially those who are under six years old.
She said children's bodies are still developing, and they tend to put their hands on objects that may have lead dust and then put their hands in their mouths.

From front page

Turn to page 3

No cases recorded in M'sia since 2019

"It is important to note that the effects of lead exposure on IQ and cognitive functions can be influenced by factors such as the timing and duration of exposure, source of lead and individual susceptibility."

Juliana said many countries, including Malaysia, have implemented regulations to limit lead in paint, stepped up efforts to reduce it in drinking water, and carried out public health campaigns to raise awareness on its dangers.

The Health Ministry said it has not had a single case of lead poisoning since the last one was reported in Kampung Jenjarom in Kuala Langat, Selangor in 2019.

However, its spokesman confirmed that buildings and substances that contain lead are common in the country.

"Some of the older buildings or structures may still have lead-based paint on them. Imported goods such as toys and jewellery may also contain lead-based material."

According to a 2016 research by the International Persistent Organic Pollutant Elimination Network and the Consumers Association of Penang, 72% of paint tested from samples in Kedah and Penang had lead concentrations exceeding the acceptable level of 90ppm (parts per million).

"Lead levels in food are normally regulated to ensure they are safe to consume. The lead levels in various types of food are regulated in Malaysia under Regulation 38, Food Regulation 1985 and the Food Act 1983."